

Biografi mengubah persepsi terhadap Tunku

BIBLIOGRAFI Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj terbitan Perpustakaan Negara Malaysia sempena ulang tahun ke-100 keputeranya pada Mac 2003 mencatatkan bahawa biografi Tunku yang pertama ialah oleh Abdul Aziz Ishak pada tahun 1955.

Biografi oleh Harry Miller, seorang wartawan *The Straits Times* berjudul *Prince and Premier: A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj First Prime Minister of the Federation of Malaya* diterbitkan pada tahun 1959.

Dalam prakata buku oleh Miller, Tunku menyatakan biografi ini merupakan pengisahan paling lengkap yang mungkin ditulis mengenai dirinya. Terjemahan bahasa Melayu buku ini diterbitkan oleh Federal Publications pada tahun 1960.

Dilahirkan pada 8 Februari 1903, Tunku adalah anak ke-20 Sultan Abdul Hamid Abdul Halim Shah, dan anak keempat daripada Cik Menjalara, isteri keenam baginda yang berasal dari keluarga bangsawan di Siam.

Beliau dibesarkan serta diasuh dalam istana di Kedah dan Bangkok. Kedudukannya sebagai putera raja dianggap oleh sesetengah penulis sebagai suatu keistimewaan yang mempengaruhi nasib dan masa depan beliau sebagai pemimpin UMNO dan negara.

Namun sejak kecil lagi Tunku Abdul Rahman telah menunjukkan sikap terbuka, peramah serta keselesaan bergaul dengan rakyat jelata. Beliau suka bermain bola berkaki ayam dengan kanak-kanak dari kampung yang berhampiran dengan istana walaupun sering ditegah.

Setelah lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sejarah dari Universiti Cambridge, England pada tahun 1928, Tunku melanjutkan pelajarannya dalam bidang Undang-Undang di London. Walau bagaimanapun beliau tidak berminat dalam bidang undang-undang dan tidak menumpukan perhatian atau berusaha untuk lulus peperiksaan. Tanpa kelulusan ini kerjayanya dalam Perkhidmatan Awam Kedah amat terbatas. Seperti mana diketahui umum, Tunku mengambil masa yang lama, hampir suku abad berulang-alik ke London sehingga lulus semua peperiksaan untuk mendapat kelulusan undang-undang dari Inner Temple, London pada tahun 1948 ketika umurnya 45 tahun.

Sebagai pegawai kerajaan dengan Perkhidmatan Awam Kedah Tunku sering menimbulkan kontroversi kerana menulis surat mengkritik dan menegur kerajaan mengenai dasar atau perkara yang dirasakannya tidak kena atau kurang cekap. Menulis surat kepada pihak berwajib atau surat khabar memberi pandangan tentang perkara yang tidak disetujuinya terus diamalkan sebagai pelajar di England.

Semasa berkhidmat sebagai pegawai daerah di Kedah Tunku terkenal dengan sikapnya yang peramah dan suka merendah diri yang semula jadi. Walaupun kebolehan sebagai pentadbir tidak begitu menyerlah, Miller memerhatikan Tunku suka bergaul dan amat popular dengan rakyat jelata di mana saja beliau bertugas. Beliau juga seorang yang tidak cerewet dan sanggup melalui ketidakselesaan dan mengorbankan keme-

wahan jika diperlukan.

Tunku amat terbuka dan berterus terang dalam menceritakan kisah zaman muda sebagai pelajar dan mengaku menghabiskan masa menikmati hidup selesa dan mewah seperti pemuda Inggeris yang berkemampuan, seperti mengikuti perlumbaan kuda yang amat diminatnya.

Kebanyakan pelajar Melayu yang belajar di England pada masa itu adalah daripada keluarga diraja dan bangsawan Melayu. Mereka diperuntukkan biasiswa oleh kerajaan British untuk melanjutkan pelajaran sebagai persediaan memainkan peranan dalam pentadbiran negara.

Pelajar-pelajar ini mengikuti perkembangan politik di Britain serta perjuangan kemerdekaan negara jajahan Britain termasuk India dan Ceylon yang membarak keinginan melihat Malaya juga merdeka.

Miller melihat kisah hidup Tunku sehingga umur 45 tahun tidak memberi apa-apa petunjuk yang beliau akan menjadi seorang pemimpin negara. Kebolehan beliau sebagai pentadbir tidak menyerlah sehingga beliau dengan tidak diduga mengambil alih pucuk pimpinan UMNO apabila Datuk Onn Jaafar menolak pencalonan sebagai Yang Dipertua UMNO setelah tempoh beliau memegang jawatan itu tamat pada 1951.

Miller mendorong mengajukan persoalan bagaimanakah agaknya nasib Tunku sekiranya Datuk Onn Jaafar tidak meninggalkan UMNO pada tahun itu? Soalan ini sekadar akademik sahaja kerana takdir telah menentukan peranan yang dimainkan oleh ke-

dua-dua pejuang kemerdekaan ini dengan kekuatan dan cara tersendiri.

Namun Miller amat kagum dengan perubahan sikap dan kepimpinan Tunku apabila menjadi Ketua Menteri setelah memenangi pilihan raya umum:

"Perubahan setelah pilihan raya mengangkatnya sebagai Ketua Menteri amat memeranjatkan. Pemartabatan kedudukannya mendadak, dan beliau menjalankan tugas dengan begitu serius sehingga kekhuatiran tentang ketidakstabilan kerajaan pimpinannya hilang dengan pantas. Sebaliknya keyakinan menyelubungi suasana."

Miller mengakui bahawa Tunku seorang ahli politik yang pintar dan percaya gerak hati atau intuisinya yang luar biasa salah satu kekuatannya. Namun tempoh dua tahun terlalu singkat bagi Miller membuat analisis kepimpinan Tunku sebagai Perdana Menteri.

Ini dilakukan oleh penulis biografi Tunku yang kemudian. Tunku sendiri amat prolific menulis memoirnya yang disiarkan sebagai siri artikel dalam surat khabar tempatan dan telah dibukukan dalam beberapa jilid.

Usaha membukukannya jika diberi sokongan agensi kerajaan dari segi penyelidikan, penyuntingan dan pengiktirafan seperti mana dilakukan di negara jiran untuk Perdana Menteri pertama mereka mungkin dapat memantapkan memoir ini sebagai sumber rujukan sejarah yang autoritatif.

Kajian peranan tokoh perjuangan kemerdekaan dijalankan berterusan dan semenjak biografi Oleh Miller, berpuluh biografi mengenai Tunku telah diterbitkan.

Tiga puluh lima tahun kemudian, muncul biografi yang komprehensif dan terkini iaitu *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra* oleh Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam (2004), penulis biografi yang prolific mengenai Datuk Onn Jaafar dan pejuang-pejuang kemerdekaan lain. Peranan Tunku dalam politik perjuangan kemerdekaan diulas dengan terperinci oleh Dr. Ramlah, Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Beliau membuat perbandingan pendekatan, sikap dan pendirian Datuk Onn Jaafar dan mengkritik tindak-tanduk politik Tunku khususnya sebelum dan setelah mengambil alih kepemimpinan UMNO daripada Datuk Onn. Dalam bab ini pembaca mungkin keliru sama ada tokoh biografi ini adalah Datuk Onn atau Tunku Abdul Rahman.

Penulis berpandangan bahawa penerimaan kepimpinan Tunku oleh ahli UMNO dan orang Melayu adalah disebabkan kedudukan beliau sebagai putera raja. Begitu juga penerimaan kepimpinan oleh raja-raja Melayu yang lebih mempercayai Tunku untuk memelihara kepentingan raja-raja Melayu.

Menurut penulis, Tunku juga disenangi British kerana sikapnya yang 'anjal dan pragmatik' mengenai isu kepentingan Melayu serta memahami dan mudah bergaul dengan orang Inggeris.